



PELAN STRATEGIK LPJ 2020



PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN



ISI KANDUNGAN

1. PERUTUSAN PENGURUS BESAR LPJ	2
2. RINGKASAN EKSEKUTIF	3
3. SEJARAH LPJ	4
4. TUJUAN DOKUMEN PELAN STRATEGIK LPJ 2013 - 2018	5
5. VISI, MISI & MOTO LPJ	6
6. OBJEKTIF LPJ	7
7. PRINSIP PENGURUSAN ORGANISASI LPJ	8
8. TERAS STRATEGIK LPJ	9
9. CARTA ORGANISASI LPJ	10
10. BIDANG KEBERHASILAN (KRA) MENGIKUT TERAS STRATEGIK LPJ	11
11. TINDAKAN STRATEGIK SETIAP TERAS	12
12. PENUTUP	30

1. PERUTUSAN PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

Assalamualaikum WarahmatullahiWabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas sedang berkembang dan berubah dengan dinamik. Kedua-dua Pelabuhan sedang menyaksikan pembangunan pesat dalam sektor minyak dan gas, khususnya di Tanjung Bin dan Pengerang. Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas juga terus menjadi pemangkin pembangunan ekonomi Negara amnya dan Negeri Johor khasnya dan merupakan titik pertemuan penting dalam lingkaran logistik negara. Permintaan terhadap operasi pelabuhan yang cekap dan efisien semakin meningkat daripada semua lapisan pengguna pelabuhan. Adalah jelas pelabuhan yang dapat meningkatkan kecekapan, tahap efisien dan produktiviti secara berterusan sejajar dengan harapan semua pengguna akan dapat terus berdaya saing dan maju. Adalah menjadi peranan Lembaga Pelabuhan Johor bagi menentukan permintaan dan harapan semua pelanggan pelabuhan dapat dibekalkan dengan berkesan oleh pihak pengusaha pelabuhan.

Pelan Strategik LPJ 2013 - 2020 yang diubahsuai ini telah menentukan visi, misi dan objektif LPJ adalah seiring dengan visi, misi dan objektif pihak pengusaha dan pengguna pelabuhan. Kami percaya dengan menekankan kepentingan semua "stakeholder" pelabuhan, kedua-dua Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas akan dapat terus berdaya saing dan berjaya di peringkat antarabangsa. Adalah diharap Pelan Strategik ini akan menjadi pendorong bagi semua pihak termasuk LPJ sendiri untuk terus memaju dan menjadikan kedua-dua pelabuhan utama di Johor ini sebagai Pelabuhan Pilihan.

MUHAMMAD RAZIF BIN AHMAD

2. RINGKASAN EKSEKUTIF

Lembaga Pelabuhan Johor bertanggungjawab mengawalselia dua pelabuhan utama di Johor iaitu Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas. Suatu pelan tindakan yang strategik adalah penting bagi menentukan kesinambungan kecemerlangan kedua-dua pelabuhan. Pembangunan dinamik di kedua-dua pelabuhan menekankan keperluan Pelan Strategik LPJ yang sedia ada dikajisemula bagi tempoh 2013 hingga 2020 bagi memantapkan rangka dasar, hala tuju dan fokus LPJ. Sehubungan itu, visi, misi dan objektif LPJ telah diubahsuai selaras dengan perubahan pesat di Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Kini VISI LPJ adalah untuk “menjadi pihak berkuasa pelabuhan terunggul yang menerajui Johor sebagai pelabuhan pilihan”. Jelas penekanan lebih dibuat kepada membangun dan memajukan kedua-dua pelabuhan utama di Johor sebagai pelabuhan pilihan. MISI LPJ juga telah diubahsuai kepada “mengawalselia dan memudah cara secara profesional, berintegriti dan komited dalam menyokong kemajuan industri maritim bagi meningkatkan daya saing pelabuhan-pelabuhan di Johor. Kini fokus LPJ adalah kepada operasi dan pengguna pelabuhan. Oleh itu adalah penting visi dan misi LPJ adalah seiring dengan aspirasi semua pihak pelabuhan.

Empat Teras Strategik Utama telah dikenalpasti di mana 11 Bidang Keberhasilan Utama (KRA) dan objektif strategik dibentuk bagi setiap teras. Empat Teras Strategik Utama tersebut adalah; Kapasiti Pelabuhan, Penyelidikan dan Pembangunan Pelabuhan, Hubungan Strategik dan Pengukuhan Sumber. 11 KRA yang telah ditetapkan adalah dari aspek “infrastruktur”, “keselamatan dan sekuriti pelabuhan”, “kesihatan dan persekitaran pekerjaan”, “pusat maklumat strategik”, “pembangunan dan penyelidikan”, “pengurusan kualiti”, “pemudahcara perdagangan”, “pembangunan imej”, “modal insan berkualiti”, “sumber kewangan” dan “perundangan”. Pihak LPJ yakin pencapaian 11 KRA yang telah ditetapkan di dalam Pelan Strategik LPJ akan membolehkan melonjakkan kedudukan Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas di peringkat dunia, serta menjadikan kedua-dua pelabuhan bertambah berdaya saing dan pelabuhan terpilih.

3. SEJARAH

Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) telah ditubuhkan pada tahun 1976 di bawah Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan, 1963. Operasinya telah mula pada tahun 1977 dan daripada tanah pasir yang gersang pelabuhan yang terletak di kawasan Pasir Gudang itu telah berkembang maju menjadi sebuah pelabuhan yang penting di Selatan tanah air. Seajar dengan dasar penswastaan negara dan untuk meningkatkan lagi daya saing pelabuhan, Lembaga Pelabuhan Johor telah dikorporatkan di bawah Akta Pelabuhan (Penswastaan 1990). Mulai tahun 1995, operasi perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Johor telah diswastakan sepenuhnya kepada pengendali berlesen iaitu Johor Port Berhad (JPB). Berikutan penswastaan ini, Lembaga Pelabuhan Johor telah disusun semula seajar dengan fungsi utamanya sebagai badan kawal selia kepada operasi pelabuhan Johor yang dikendalikan oleh operator pelabuhan yang telah diberikan konsesi. Pelabuhan Johor kini adalah sebuah pelabuhan serba guna yang masih bertahan dan berdaya saing.

Oleh kerana keperluan dan permintaan yang tinggi serta pembangunan pelabuhan Pasir Gudang yang telah mencapai tahap maksima, Kerajaan telah mengambil langkah untuk membuka satu lagi pelabuhan di sebelah barat Negeri Johor. Dalam tahun 1995, kerajaan telah meluluskan pembinaan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Gelang Patah secara 'Built Transfer and Operate' kepada Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. Pelabuhan Tanjung Pelepas telah mula beroperasi dengan rasminya pada tahun 2000 dan merupakan sebuah pelabuhan yang telah membangun dengan pesat.

Selain bertanggungjawab menjadi badan kawal selia kepada operasi pelabuhan di kedua-dua pelabuhan iaitu Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, Lembaga Pelabuhan Johor juga berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Terminal Feri Johor di Tanjung Belungkor, Kota Tinggi dan Terminal Feri Changi di Singapura, yang merupakan pintu masuk ketiga diantara Malaysia dan Singapura.

4. TUJUAN DOKUMEN PELAN STRATEGIK LPJ 2013-2020



5. VISI & MISI

VISI

Menjadi pihak berkuasa pelabuhan terunggul Johor sebagai pelabuhan pilihan

MISI

Mengawalselia dan memudah cara secara profesional, Berintegriti dan komited dalam menyokong kemajuan industri maritim bagi meningkatkan daya saing pelabuhan di Johor

6. OBJEKTIF

Memperkuhkan pembangunan kapasiti infrastruktur pelabuhan selaras dengan keperluan dan stakeholder

Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kawalan keselamatan, kesihatan dan persekitaran pelabuhan

Memantapkan kompetensi modal insan dalam aspek pengetahuan dan kemahiran operasi pelabuhan dan marin

Mewujudkan persekitaran & komuniti pelabuhan yang menggalakkan urusan perniagaan.

7. PRINSIP PENGURUSAN ORGANISASI

H

- Hormat menghormati sesama warga kerja

I

- Integriti sebagai tunggak jati diri

K

- Komited dalam melaksanakan tugas

M

- Musyawarah sebagai dasar penyelesaian

A

- Akauntabiliti dalam menjalankan tanggungjawab

H

- Harmoni dalam segala aspek



8. TERAS STRATEGIK

1

- KAPASITI PELABUHAN

2

- PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN

3

- HUBUNGAN STRATEGIK

4

- PENGUKUHAN SUMBER

9. CARTA ORGANISASI



10. BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA)

TERAS STRATEGIK BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (KRA)

KAPASITI PELABUHAN



1. Infrastruktur
2. Keselamatan & Sekuriti
3. Kesihatan & Persekitaran Pekerja

PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN PELABUHAN



1. Pusat Maklumat Strategik
2. Pembangunan Penyelidikan
3. Pengurusan Kualiti

HUBUNGAN STRATEGIK



1. Pemudahcara Perdagangan
2. Pembangunan Imej

PENGUKUHAN SUMBER



1. Modal Insan Berkualiti
2. Sumber Kewangan
3. Perundangan

11. TINDAKAN STRATEGIK



TERAS 1: KAPASITI PELABUHAN

OBJEKTIF STRATEGIK:

Mengoptimumkan prestasi pelabuhan
untuk meningkatkan
daya saing.

KRA 1 : INFRASTRUKTUR

OBJEKTIF SPESIFIK	STRATEGI	TINDAKAN STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	TEMPOH/ JANGKAMASA
1. Memastikan penyediaan kapasiti pelabuhan mencapai tahap optimum <ul style="list-style-type: none"> - Dermaga - Kren - Gudang - Jeti - Logistik - Peralatan 	1. Menyediakan garis panduan pencapaian kapasiti pelabuhan optimum bagi setiap infrastruktur	1. Mewujudkan satu Pasukan Petugas (Task Force) untuk menganalisis isu pengoptimuman. 2. Membangunkan sistem semakan kapasiti pelabuhan yang standard.	<ul style="list-style-type: none"> • Garis panduan pencapaian kapasiti pelabuhan • Peratus pencapaian pelabuhan yang mencapai piawaian infrastruktur pelabuhan 	2013
2. Memastikan operator pelabuhan mencapai prestasi pengendalian mengikut standard yang ditetapkan.	1. Mewujudkan satu sistem pemantauan yang lebih sistematik terhadap operasi pengendalian kargo.	1. Pemeriksaan berkala yang lebih efisien 2. Pemeriksaan mengejut 3. Mendapatkan laporan pengendalian bulanan 4. Pemantauan ke atas terma dan syarat lesen operasi yang dikeluarkan.	<ul style="list-style-type: none"> • Peratus prestasi operator pelabuhan mengikut gred/ kriteria. 	2015
	1. Mengoptimumkan penggunaan tanah Pelabuhan.	1. Menyediakan pelan perancangan penggunaan tanah pelabuhan bersama Operator.	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan Perancangan Tanah 	2014
		2. Mempromosi kepada pengusaha bagi pembangunan tanah 10 ekar di Terminal Feri Tg. Belungkor.	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan tanah 100% 	2014

OBJEKTIF SPESIFIK	STRATEGI	TINDAKAN STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	TEMPOH/ JANGKAMASA
		3. Membangunkan tanah Pelabuhan terbiar dalam menyokong operasi pelabuhan.		2017
3. Memastikan penyediaan aktiviti sokongan perkapalan yang efisien dan mencukupi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan garis panduan perkhidmatan 2. Mewujudkan satu sistem pemantauan yang yang boleh mengawal kualiti perkhidmatan dan produk perkapalan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan satu Pasukan Petugas bagi menyediakan garis panduan perkhidmatan 2. Melaksanakan pengawalan berkala 3. Mendapatkan maklumbalas daripada pengguna/ operator 	<ul style="list-style-type: none"> • Garis panduan perkhidmatan • Peningkatan peratus kepuasan pelanggan 	2017

KRA2 : KAWALAN KESELAMATAN DAN SEKURITI PELABUHAN

OBJEKTIF SPESIFIK	STRATEGI	TINDAKAN STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	TEMPOH/ JANGKAMASA
1. Memantapkan operasi keselamatan & sekuriti di kawasan pelabuhan	1. Memantapkan penguatkuasaan undang-undang & peraturan 2. Meningkatkan keberkesanan pemantauan keselamatan & sekuriti - Pelabuhan (darat) - Marin (perairan)	1. Pelaksanaan pelan sekuriti kawasan pelabuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Garis panduan 'Port Security Measures' • Penurunan peratus "Non conformities" • Penurunan peratus kemalangan di pelabuhan • Peningkatan pematuhan pelaporan ketibaan oleh kapal • AIS dan VTMS beroperasi sepenuhnya. 	2013
		2. Penguatkuasaan berkala		2013
		3. Memantau pematuhan keselamatan & sekuriti		2013
		4. Memastikan semua kapal - kapal melaporkan ketibaan mengikut Kod ISPS		2013
		5. Mewujudkan AIS dan VTMS dalam pengurusan trafik perkapalan dalam Pelabuhan		2014
	1. Meningkatkan bilangan bot untuk rondaan	1. Memperolehi 2 Buah Bot	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan bilangan aset. Rondaan di laut • Peningkatan bilangan rondaan di laut 	2018

KRA3 : KESIHATAN & PERSEKITARAN PELABUHAN

OBJEKTIF SPESIFIK	STRATEGI	TINDAKAN STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	TEMPOH/ JANGKAMASA
<p>1. Mewujudkan satu persekitaran pekerjaan di pelabuhan yang selamat & sihat</p>	<p>1. Mewujudkan budaya keselamatan kesihatan kesihatan pekerjaan di kalangan komuniti pelabuhan.</p> <p>2. Menyediakan polisi kesihatan pekerjaan dan persekitaran.</p> <p>3. Menyediakan satu dasar "Pelabuhan Hijau".</p> <p>4. Melaksanakan pengurusan risiko terhadap operasi pelabuhan</p>	<p>1. Melaksanakan program kesedaran</p> <p>2. Memastikan penyediaan polisi keselamatan dilaksanakan dalam tempoh terdekat</p> <p>3. Penguatkuasaan kepada pematuhan polisi keselamatan pekerjaan dan persekitaran dijalankan secara berkala</p> <p>4. Menyediakan satu "Blue print" (kriteria dan sasaran) bagi pembangunan "Pelabuhan hijau"</p> <p>5. Mewujudkan satu pasukan petugas bagi menguruskan pengurusan risiko secara menyeluruh</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penurunan peratus kemalangan pekerjaan • Dasar Pelabuhan Hijau 	<p>2014</p>



TERAS 2: PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN

OBJEKTIF STRATEGIK:

Memantapkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan untuk menjadi satu pusat rujukan pelabuhan (port reference centre) bertaraf antarabangsa

KRA 1 : PUSAT MAKLUMAT STRATEGIK

OBJEKTIF SPESIFIK	STRATEGI	TINDAKAN STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	TEMPOH/ JANGKAMASA
1. Menjadi sebagai satu pusat rujukan yang menyediakan maklumat strategik berhubung dengan pelabuhan	1. Penyediaan pembangunan Data Excellence Centre (DEC) yang menyeluruh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan pelan strategik pembangunan DEC 2. Mengumpul dan mengintegrasikan data serta maklumat pelabuhan dari pelbagai bidang secara menyeluruh 3. Membangunkan Data Excellence Center (DEC). 4. Membangun dan meningkatkan infrastruktur ICT yang berfungsi dengan berkesan seiring dengan Pelan Strategik ICT LPJ 	<ul style="list-style-type: none"> • Data Excellence Centre 	2016
	5. Memastikan sistem aplikasi online digunakan dengan cekap & berkesan bagi semua bidang secara menyeluruh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan penggunaan yang menyeluruh menerusi program latihan yang berkesan 2. Penyaluran Maklumat yang lebih dinamik 	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan aplikasi online 100% 	2015

KRA3 : PENGURUSAN KUALITI

OBJEKTIF SPESIFIK	STRATEGI	TINDAKAN STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	TEMPOH/ JANGKAMASA
<p>1. Menjadi sebuah organisasi yang mengamalkan pengurusan kualiti menyeluruh</p>	<p>1. Meningkatkan pengiktirafan (dalaman)</p>	<p>1. Melaksanakan satu program Kualiti menyeluruh untuk dibudayakan dan dilaksanakan di seluruh LPJ & LPJ(TP)</p> <p>2. Mewujudkan jawatankuasa kualiti</p> <p>3. Senarai pelaksanaan program Kualiti mengikut kepentingan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - MS ISO - 5S - SAGA - KIK - ISMS 	<ul style="list-style-type: none"> • Pensijilan yang diperolehi • Bilangan Pengiktifaran 	<p>2014</p>



TERAS 2: HUBUNGAN STRATEGIK LPJ

OBJEKTIF STRATEGIK:

Memperkukuhkan dan memperluaskan kolaborasi dengan komuniti pelabuhan



KRA1: PEMUDAHCARA PERDAGANGAN

OBJEKTIF SPESIFIK	STRATEGI	TINDAKAN STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	TEMPOH/ JANGKAMASA
1. Menjadi Pelabuhan pilihan dalam industri maritim	1. Mengadakan kolaborasi strategik domestik dan antarabangsa secara menyeluruh	1. Mengenalpasti sasaran dan melaksanakan Sister Port 2. Mengadakan hubungan dua hala dan perkongsian maklumat 3. Mengeratkan kerjasama dengan rangkaian maritim, logistik, agensi kerajaan, industri dan operator pelabuhan 4. Mengadakan program promosi kemudahan pelabuhan	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah kemasukan kapal (KPI) Jumlah kargo yang dikendalikan (KPI) Kajian Impak Kepuasan Pelanggan keatas operasi pelabuhan 	Mula 2013
	2. Mewujudkan "Meeting Place" bagi mereka-mereka yang terlibat dalam industri pelabuhan	1. Menyediakan tempat (bangunan baru) 2. Menyediakan pusat saluran maklumat 3. Pusat pengumpulan data (DEC)	<ul style="list-style-type: none"> "Meeting Place" di Ibu Pejabat LPJ baru 	2015
	3. Memastikan rantaian logistik berjalan lancar	1. Mewujudkan mekanisma perhubungan yang baik diantara semua pihak dalam rantaian logistik	<ul style="list-style-type: none"> Penurunan peratus bilangan aduan yang diterima 	2014

KRA 2 : PEMBANGUNAN IMEJ PELABUHAN

OBJEKTIF SPESIFIK	STRATEGI	TINDAKAN STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	TEMPOH/ JANGKAMASA
<p>1. Meningkatkan daya saing yang mampan dalam pasaran maritim bagi Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas</p>	<p>1. Memperluaskan penglibatan di dalam arena maritim antarabangsa</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Aktif di dalam persatuan pelabuhan tempatan dan antarabangsa. 2. Menganjur persidangan berkaitan pelabuhan dan maritim. 3. Menyertai pameran dan berkongsi informasi mengenai operasi dan infrastruktur pelabuhan 4. Promosi dan Pemasaran melalui media cetak, elektronik dan pameran. 5. Kerjasama dengan operator pelabuhan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan wargakerja menyertai aktiviti persatuan • Bilangan penganjuran • Bilangan Pameran • Peratus Peningkatan bilangan keanggotaan persatuan Maritim Antarabangsa 	<p>2018</p>

OBJEKTIF SPESIFIK	STRATEGI	TINDAKAN STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	TEMPOH/ JANGKAMASA
	1. Akreditasi antarabangsa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kolaborasi bersama operator pelabuhan untuk di iktiraf sebagai <i>Green Port</i>. 2. Mengkaji semula & memantapkan Undang-undang kecil LPJ (By Law JPA 1979) yang berkuatkuasa dalam mewujudkan <i>Green Port</i> di pelabuhan. 3. Mendapatkan komitmen operator pelabuhan bagi melaksanakan green port inisiatif. 4. Mengkaji semula KPI dalam memastikan pelabuhan berdaya saing dan kompetitif 	<ul style="list-style-type: none"> • Pensijilan Green Port • Pengiktirafan sebagai 15 pelabuhan terbaik dunia. 	2018



TERAS 4: PENGUKUHAN SUMBER

OBJEKTIF STRATEGIK:

Memperkukuhkan sumber-sumber LPJ
bagi memantapkan keberkesanan strategi
pengawalseliaan dan daya saing
Pelabuhan



KRA1: MODAL INSAN BERKUALITI

OBJEKTIF SPESIFIK	STRATEGI	TINDAKAN STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	TEMPOH/ JANGKAMASA
1. Meningkatkan kompetensi warga kerja LPJ dalam pengurusan dan operasi pelabuhan	1. Melaksanakan Internal Gap Analysis / Assessment / Menyediakan "Training Needs Analysis" (TNA) yang menyeluruh	1. Menyediakan satu kerangka matriks keperluan latihan yang menyeluruh bagi LPJ	• Matriks keperluan latihan LPJ	2014
	2. Meningkatkan tahap kompetensi sumber manusia	1. Mengadakan sistem penilaian kompetensi.	• Bilangan pegawai yang mempunyai sijil kemahiran atau kompetensi	2014
	3. Mewujudkan bilangan pegawai yang mempunyai sijil kemahiran/ diploma/ ijazah dalam operasi dan pengurusan pelabuhan	2. Memperkemaskan pengurusan latihan	• (sasaran: 70% drp pegawai berkompeten) • Peningkatan Bilangan pakar rujuk untuk pengawalseliaan pelabuhan • (sasaran: 10% pertambahan pakar rujuk)	
	4. Meningkatkan tahap integriti wargakerja	1. Mewujudkan Pelan Tindakan Integriti LPJ	• Pelan Tindakan diwujudkan	2016
	5. Perancangan peralihan sumber manusia	1. Melaksanakan dan menyediakan Talent Management & Succession Planing secara menyeluruh (TMSP ,LPJ) 2. Engagement for experts (area of concerns only)	• Pelan Peralihan yang terancang • Senarai "Job Attachment" dan "Job Rotation" di LPJ	2013

KRA2: SUMBER KEWANGAN

OBJEKTIF SPESIFIK	STRATEGI	TINDAKAN STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	TEMPOH/ JANGKAMASA
<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengekalkan dan mengukuhkan pembiayaan pengurusan kewangan sendiri bagi membolehkan fungsi-fungsi LPJ di laksana akan dengan berkesan 2. Memperkukuhkan pembiayaan pengurusan kewangan sendiri 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan keupayaan pungutan hasil. 2. Mempelbagaikan peluang pelaburan. 3. Pengukuhan kedudukan kewangan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kaji semula perjanjian penswastaan dan perjanjian tanah untuk menaikkan sewa pajakan, bayaran lesen penswastaan, bayaran threshold 2. Kaji semula dasar bayaran lesen-lesen perkhidmatan sokongan 3. Penguatkuasaan undang-undang dari segi pengenaan surcaj sepertimana terdapat di dalam Undang-undang kecil tariff LPJ. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Bersih yang diperoleh • Peningkatan hasil dan pendapatan • Peratusan Peningkatan 	Serta Merta

OBJEKTIF SPESIFIK	STRATEGI	TINDAKAN STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	TEMPOH/ JANGKAMASA
		<ol style="list-style-type: none"> 4. Menyediakan pelan pelaburan yang lebih meluas dan menguntungkan. 5. Menyediakan pelan perancangan kutipan hasil yang teratur. 		
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan Hasil 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan pengutipan hasil 2. Membuat pelaburan yang dibenarkan dan memberikan pulangan yang menguntungkan 3. Menggalakkan pembangunan industri maritim di dalam had perairan pelabuhan 	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan 5% hasil setiap tahun 	Serta Merta

KRA3: PERUNDANGAN


OBJEKTIF SPESIFIK	STRATEGI	TINDAKAN STRATEGIK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	TEMPOH/ JANGKAMASA
<p>1. Memastikan perundangan yang menyokong pencapaian Visi, Misi dan Objektif</p>	<p>1. Mengkaji semula undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan semua strategi yang digubal</p> <p>2. Memperkemaskan sistem, proses dan prosedur</p>	<p>1. Kajian perjanjian penswastan & lesen penswastan</p> <p>2. Kajian pindaan untuk menambahbaik akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963 dan akta Pelabuhan-Pelabuhan Penswastan 1990</p> <p>3. Kajian pindaan untuk menambahbaik Undang-Undang Kecil LPJ 1979 & perundanganlain</p> <p>4. Kajian undang-undang kecil yang terpakai dan pajakan tanah.</p> <p>5. Mengkaji Peraturan Kewangan LPJ.</p> <p>6. Mengkaji semula terma dan syarat lesen-lesen perkhidmatan sokongan / lesen operasi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pindaan perundangan yang berjaya dikuatkuasakan 	<p>2018</p>

12. PENUTUP

LPJ akan menentukan pelaksanaan sepenuhnya Pelan Strategik ini dan pencapaian semua KRA yang telah ditetapkan. Mana-mana prosedur, persekitaran kerja, teknologi dan sistem sedia ada yang tidak seiring akan diubahsuai bagi menentukan kelicinan pelaksanaan Pelan Strategik ini. Malah pendekatan transformasi dan membudayakan inovasi dan kreativiti secara menyeluruh akan diambil bagi menentukan Pelan Strategik ini berjaya.

Pelan tindakan akan disediakan dan dimasukkan ke dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) pegawai dan kakitangan LPJ bagi menentukan pelaksanaan secara berterusan semua tindakan-tindakan yang telah dikenalpasti di dalam Pelan Strategik tersebut. Pemantauan melalui pelaporan berkala akan turut dibuat. Kajian impak separuh penggal akan juga dibuat bagi menentukan hala tuju Pelan Strategik tersebut adalah terus relevan dan mengikut jadual. Di mana berkaitan konsultasi menambahkan Pelan Strategik tersebut dengan "stakeholders" pelabuhan akan dibuat bagi mendapatkan input terkini bagi menambahkan Pelan Strategik tersebut.

Dengan kerjasama semua pihak, adalah diharap Pelan Strategik LPJ 2013 - 2020 ini dapat dilaksanakan dengan berjaya dan benar-benar menjadikan Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas terus berdaya saing dan menjadi Pelabuhan Pilihan.



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
No.4A1-8A1, Pusat Perdagangan Pasir Gudang,
Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang,
Johor, Malaysia.
Tel.: +607-2534000 Fax.: +607-2517684
Website : www.lppj.gov.my
Email : admin@lppj.gov.my